

16/02/1998

Muhyiddin minta Sukom '98 cari tarikh baru

Hussain Said

SUKOM Ninety Eight Berhad (Sukom '98) kini berdepan dengan masalah untuk menentukan tarikh sebenar kejohanan pra-Sukan Komanwel, Julai ini menjelang pertemuan dengan persatuan sukan kebangsaan.

Ini kerana tarikh itu pasti bertembung dengan pertandingan pusingan akhir bola sepak Piala Dunia di Perancis yang bermula dari 10 Jun hingga 12 Julai ini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin pernah mencadangkan kejohanan itu diadakan pada 17 dan 18 Julai tetapi ia terlalu hampir dengan Kejohanan Trek dan Padang Asia di Jepun (19-22), manakala cadangan Sukom '98 untuk menganjurkannya dari 9 hingga 12 Julai pula bertembung dengan Piala Dunia.

Justeru, Muhyiddin meminta Sukom '98 mengkaji semula cadangan itu dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk pandangan seara menyeluruh dari persatuan sukan apabila bertemu kelak.

"Saya belum menerima secara rasmi cadangan itu tetapi sekiranya Sukom '98 menetapkan tarikh itu sebagai kejohanan pra-Sukan Komanwel, saya kira mereka perlu meneliti semula.

"Seperti kita maklum, ketika tarikh itu, dunia serta peminat sukan tanah air pasti memberi tumpuan kepada bola sepak Piala Dunia. Kemungkinan kejohanan pra-sukan Komanwel itu kurang mendapat tumpuan terutama sokongan penonton," katanya.

Kejohanan pra-Sukan Komanwel adalah langkah penting Sukom '98 bagi memastikan semua peralatan gelanggang, sistem pengangkutan serta gerak kerja pegawai teknikal dan sukarelawan berjalan lancar menjelang temasya itu 11 hingga 21 September.

Malah, jika sebelum ini kejohanan itu dijadualkan diadakan berperingkat-peringkat tetapi ketika mesyuarat Majlis Sukan Komanwel, dua minggu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta ia diadakan secara serentak.

Justeru, Muhyiddin mencadangkan kejohanan itu diadakan 17-18 Julai kerana ketika tarikh itu gelanggang di Kompleks Sukan Bukit Jalil sudah boleh digunakan serta sistem Transit Aliran Ringan (LRT) mula beroperasi.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata sekiranya tarikh yang ditetapkan itu tidak boleh dielakkan lagi, adalah wajar bagi Sukom '98 meneruskan cadangan asal.

"Sebolehnya kita mahu mengelakan pertindihan dengan sebarang kejohanan antarabangsa yang turut membabitkan atlit negara.

"Tetapi sekiranya tiada pilihan lain dan bola sepak Piala Dunia tidak membabitkan pasukan negara, kita harus memberi keutamaan memandangkan ketika itu tarikh temasya sebenar semakin hampir," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin menasihatkan peminat sukan tanah air supaya jangan menanti sehingga saat akhir untuk membeli dan menempah tiket temasya yang pertama kali dianjurkan negara itu.

(END)